



# Buletin SUK KELANTAN

بوليپتين Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Bil. 01 / 2019 Edisi Jan - Mac | Laman Web Rasmi [www.kelantan.gov.my](http://www.kelantan.gov.my)



MAJLIS AMANAT KHAS TAHUN BAHARU 2019 DAN  
PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN -  
**“PENGURUSAN IHTIRAFI TUNJANG  
KESEJAHTERAAN”**

~ MS 4



**PENAUNG**  
YB. Dato' Hj Nazran b. Muhammad  
(Dato' Kaya Setiausaha Kerajaan Kelantan)

**PENASIHAT**  
Dato' Hj Adnan b. Hussin

**KETUA EDITOR**  
Fatimah bt Mohd Noor

**EDITOR**  
Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean b. Tengku Fiessal (Dato' Kaya Perkasa)  
Hj. Mohd Farid b. Dato' Hj. Abdul Razak  
Hj Wan Mohd Shuhaimi b. Wan Mustapha  
Hj. Ahmad Adlee b. Yasin  
Nik Rahimim b. Wan Hussin  
Mohd Zaki b. Yusof  
Tn. Hj Mohd Hariff b. Ghazali  
Wan Fahazil b. Wan Mohamad Jaafar  
Mahzan b. Che Mohamad  
Hj. Ruslan b. Hassan  
Nik Mahmud b. Nik Jaffar  
Nik Azhar b. Nik Abdul Aziz

**KETUA PENYELARAS PENERBITAN**  
Nur Hidayah bt. Ramli

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Idham Mahdi b. Ismail

**JURUGAMBAR**  
Mohamed Faredi b. Nawawi  
W.M. Azmi b. W. Hanafi  
Ahmad Khairul b. Mohammad Taupik

**ALAMAT SURAT MENYURAT**  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Aras 2, MABNA MBI Blok 8  
Kompleks Kota Darulnaim  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN

**Email**  
korporat@kelantan.gov.my  
buletinsuk@gmail.com

**Tel**  
09-7481957  
**Faks**  
09-7443203

**REKABENTUK & PERCETAKAN**  
Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.  
4200-A, Jalan Sultan Yahya Petra, Peti Surat 67,  
15700 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.  
Tel: 09-7481849, 7443681 Fax: 09-7487064  
Email: papsb3@gmail.com

## Kandungan



Majlis Solat Hajat  
Dan Doa Selamat  
Blok 8, Kompleks Kota  
Darulnaim  
**ms7**



Istiadat Pengurniaan  
Kehormatan Kebesaran  
Negeri Kelantan Sempena  
Ulang Tahun Hari  
Keputeraan Kebawah Duli  
Yang Maha Mulia Sultan  
Muhammad V  
**ms14**



Program YB Dato' Kaya  
Setia Setiausaha  
Kerajaan Negeri Kelantan  
Sepanjang Januari-Mac  
2019  
**ms17-20**



Buletin PUSPANITA  
Kelantan  
**ms21**



# Majlis Amanat Khas Tahun Baharu 2019

& Perhimpunan Penjawat  
Awam Negeri Kelantan

*-Pengurusan Ihtirafi Tunjang Kesejahteraan-*



26 RABIULAKHIR 1440H/03 JANUARI 2019  
Majlis Amanat Khas Tahun Baharu 2019 Dan  
Perhimpunan Penjawat Awam Negeri  
Kelantan telah diadakan di Dewan Jamuan  
Utama, Kompleks Kota Darulnaim. Majlis ini  
merupakan acara rasmi Kerajaan Negeri  
Kelantan setiap tahun yang mana  
disempurnakan oleh YAB Ustaz Dato' Bentara  
Kanan Menteri Besar Kelantan.





YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan dalam ucapannya menyatakan tema Tahun Baharu 2019 ialah "Pengurusan Ihtirafi Tunjang Kesejahteraan" dimana ianya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi menjadikan para penjawat awam negeri bekerja dengan penuh kecemerlangan dalam memastikan pembangunan negeri berjalan dengan baik sesuai dengan tuntutan syariat.

Secara asasnya, Ihtirafi ialah kalimah yang diambil daripada perkataan dalam bahasa Arab yang bermaksud Profesional. Justeru, Pengurusan Ihtirafi adalah satu istilah yang boleh kita fahami sebagai satu pengurusan yang profesional dan cemerlang. Terdapat lima ciri pengurusan Ihtirafi iaitu:-

### 1. Hawariyyun : Pendukung kepada perjuangan yang suci

- i Menyedari tugas kita sebagai penjawat awam adalah satu tugas yang penting dalam mendukung perjuangan yang mulia berdasarkan kepada prinsip Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI).
- ii Bersifat sebagai pendokong kuat kepada sebuah perjuangan yang suci dan mulia yang akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh.
- iii Menjadi penasihat yang baik dan betul kepada Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar dan program kepada rakyat.

### 2. Kafa'ah : Akhlak Islami dan Integriti sebagai asas kepada Pengurusan Ihtirafi

- i Sebagai seorang muslim dan juga penjawat awam, kita hendaklah mempunyai akhlak yang mulia dan terpuji.
- ii Memberi khidmat dengan penuh tanggungjawab, sopan, dedikasi dan terbaik kepada pelanggan dan masyarakat.

### 3. Wafa' Bil 'Uqud : Keinginan untuk mencapai piawaian yang terbaik

- i Keinginan dalam diri setiap daripada kita untuk mencapai piawaian ataupun KPI yang telah ditetapkan.
- ii Sasaran dan KPI kerja adalah akad dan perjanjian kita dengan jabatan yang melambangkan maruah kita sebagai penjawat awam.

### 4. Himmatal 'Amal : Mengejar peningkatan kualiti dan cita-cita dalam profesion

- i Meletakkan sasaran untuk dicapai dalam kerja dan tugas, maka peringkat seterusnya adalah usaha untuk meningkatkan lagi kualiti dan cita-cita melebihi daripada sasaran yang diletakkan.

### 5. Hafazah : Memelihara dan meningkatkan imej profesion

- i Memastikan tiada penjawat awam negeri yang terlibat dengan amalan rasuah, duit kopi, duit upah atau apa sahaja istilah yang wujud melibatkan pemberian wang atau upah oleh pihak ketiga untuk mempercepatkan urusan atau menyalahguna kuasa yang ada.

Beliau juga menyeru kepada semua penjawat awam untuk memahami dan mengamalkan kelima-lima ciri Pengurusan Ihtirafi ini supaya menjadi tunjang kepada kesejahteraan rakyat Negeri Kelantan dan juga asas bagi mencapai tiga fokus utama Kerajaan Negeri pada penggal ini. Fokus pertama melibatkan sasaran untuk mencipta peluang pekerjaan melalui pembangunan industri hiliran hasil daripada sumber asli. Fokus kedua berkenaan soal kebersihan dan keceriaan serta penghijauan negeri. Manakala fokus yang ketiga pula ialah bagi menangani gejala sosial dan aktiviti maksiat.

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar juga memaklumkan bahawa dua perkara besar dalam tahun 2019 yang akan dilaksanakan adalah mengadakan pertandingan kebersihan dan keceriaan antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga pengaktifan dan penjenamaan semula program Desa Takwa yang pernah dilaksanakan pada suatu ketika dahulu. Beliau turut mengumumkan tentang kemudahan jalur lebar secara percuma oleh Kerajaan Negeri kepada penduduk sekitar bandar Kota Bharu melalui Infra Quest Sdn Bhd yang telah dipasang di 10 lokasi strategik yang menjadi tumpuan orang ramai. Kemudahan Wi-Fi percuma ini disediakan selama 24 jam sehari yang mana dengan kemudahan ini diharapkan akan dapat memungkin pembangunan negeri dan juga sebagai satu kemudahan kepada para pelancong asing.

Majlis seterusnya disusuli dengan ucapan YB Dato' Kaya Setia Hj Nazran Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan. Dalam ucapan beliau menyatakan beberapa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Antara perkara utama yang dinyatakan ialah :-

#### 1) Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan (2016-2025)

Memaklumkan supaya semua penjawat awam negeri Kelantan khususnya memberi perhatian kepada pelan ini supaya dijadikan sebagai panduan dan rujukan utama pentadbiran dan pembangunan ke arah mencapai visi dan misi kerajaan negeri menjelang 2025 yang mana pelan ini merupakan satu manifestasi kepada perancangan dan pelaksanaan kerajaan negeri berlandaskan konsep Membangun Bersama Islam dan dirangka berteraskan kepada tiga tonggak utama Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

#### 2) Prestasi Kewangan Dan Perbelanjaan Mengurus

Prestasi kewangan kerajaan negeri tahun 2018 sehingga 31 Disember 2018 menunjukkan lebihan akaun semasa sekitar RM40 juta berbanding tahun 2017 sebanyak RM38.82 juta dimana jumlah hasil yang dikutip pada tahun 2018 berjumlah RM586.81 juta iaitu meningkat sebanyak RM5.48 juta atau 0.94% berbanding tahun 2017 berjumlah RM581.33 juta.

#### 3) Sektor Pelancongan

Memperkenalkan "tagline" 'Kelantan Di Hati' sebagai usaha untuk merancakkan lagi sektor pelancongan negeri. Di antara inisiatif terbaru kerajaan negeri adalah dengan membangunkan Taman Konservasi Rafflesia Lojing Highlands dan Pewartaan Kawasan Taman Perlindungan Ekosistem Sultan Muhammad Ke V Tasik Pergau Jeli bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negeri.

#### 4) Pelaburan

- Kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan kerjasama pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (Malaysia Productivity Corporation) (MPC) telah menyiapkan satu dokumen rujukan berhubung ekosistem pelaburan di Negeri Kelantan iaitu Polisi Pelaburan Negeri selaras dengan hasrat kerajaan negeri yang digariskan di dalam Pelan Strategik Negeri – Kelantan Melangkah Ke Hadapan untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai destinasi pelaburan yang kondusif.

- Mengenalpasti kawasan seluas 200 ekar untuk dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Tok Bali dalam Rancangan Kawasan Khas Tok Bali.
- Mengembangkan industri perkayuan di negeri ini dan kawasan seluas 350 ekar di Jajahan Gua Musang bagi tujuan pembangunan bandar berdasarkan perabot.
- Mengenalpasti kawasan di Tanah Tinggi Lojing bagi tujuan pembangunan Bandar Baharu Lojing Highlands yang akan melibatkan pembangunan kediaman, institusi pendidikan, institusi kerajaan, hospital, perhotelan dan pelancongan, taman-taman rekreasi serta lain-lain kemudahan awam.



#### 5) Integriti Penjawat Awam

- Memperkuatkannya dan membudayakan integriti di kalangan penjawat awam.
- Menjadikan Pelan Kelantan Melangkah Kehadapan dan Kod Etika Penjawat Awam Negeri Kelantan (Ubudiyyah, Mas'uliyyah Dan Itqan), Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Dan Pelan Integriti Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan sebagai rujukan dan usaha membendung gejala rasuah dan integriti di kalangan penjawat awam di negeri ini.

#### 6) Pengurusan Pentadbiran Sektor Awam

- Penilaian yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara kepada 9 jabatan/ agensi negeri iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan, Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang, Pejabat Tanah Dan Jajahan Kuala Krai , Majlis Daerah Ketereh, Majlis Daerah Dabong, Perbadanan Perpustakaan Negeri Kelantan, Yayasan Kelantan Darulnaim dan Majlis Sukan Negeri telah mendapat pencapaian lima bintang dalam Penarafan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan (AI) pada tahun 2017.

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan juga telah mendapat lima bintang dalam Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam iaitu Indeks Penarafan Bintang (SSR) dan Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS bagi pencapaian 100 peratus pada tahun 2017.

#### 7) Keselamatan Dan Audit

- Pejabat SUK telah mengadakan satu taklimat keselamatan bersama PDRM dan Majlis Keselamatan Negara Negeri Kelantan sebagai langkah lanjutan satu arahan pentadbiran berkenaan langkah penjagaan keselamatan jabatan negeri yang telah dikeluarkan.

Dalam kata akhir beliau menyeru kepada jabatan/agensi supaya menerima positif isu-isu yang dibangkitkan oleh Audit Dalam mahupun Jabatan Audit Negara bagi meningkatkan sistem penyampaian serta mampu memberi impak khususnya dalam menangani isu perbelanjaan yang makin meningkat.

# Majlis Penyampaian **WATIKAH PELANTIKAN** Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan 2019

Di Dewan Bunga Teratai,  
Kompleks Kota Darulnaim

01 JAMADILAWAL 1440H / 07 JANUARI 2019

Majlis penyerahan watikah pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan telah diadakan di Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim melibatkan semua Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan. Watikah tersebut telah disampaikan oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan kepada Yang Di-Pertua Majlis seluruh Negeri Kelantan. Pada majlis tersebut juga telah dibuat penyerahan "mock cheque" sumbangan kerajaan negeri bagi pembelian peralatan kebersihan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan. Turut hadir di majlis tersebut ialah YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan, YB Dato' Speaker, YB Dr. Pengurus Kerajaan Tempatan, Perumahan Dan Kesihatan, ADUN, Ahli Parlimen Dan Pegawai Pengurusan Tertinggi Kerajaan Negeri.



# Majlis Solat Hajat Dan Doa Selamat

BLOK 8, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

09 JAMADIL'AWAL 1440/15 JANUARI 2019 Kota Darulnaim, telah diadakan satu Majlis Solat Hajat dan Doa Selamat sempena perpindahan pejabat-pejabat ke blok baharu, Blok 8, MABNA MBI, Kompleks Kota Darulnaim. Majlis berlangsung di Dewan Seminar, Aras Bawah, Blok 8, Kompleks Kota Darulnaim. Majlis telah dihadiri oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar, YB Dato' Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri, exco-exco kerajaan negeri, pegawai-pegawai tadbir dan kakitangan Kompleks Kota Darulnaim. Bangunan ini lebih dikenali dengan panggilan MABNA-MBI dimana kalimah MABNA adalah berasal dari Bahasa Arab yang bermaksud "Bangunan".



# Program Sukan Muhibbah

## Pegawai Tadbir Negeri Kelantan bersama UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

Di Dewan Jubli Perak MPKB-BRI Kota Bharu

13 JAMADIL AWAL 1440H / 19 JANUARI 2019 Sukan Muhibbah antara Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan dengan UiTM Cawangan Kelantan telah berlangsung di Dewan Jubli Perak MPKB-BRI. Sebanyak 5 sukan telah dipertandingkan iaitu bola sepak, bola tampar, badminton, karom dan E-Sport. Penyertaan terdiri daripada Pegawai Tadbir Negeri dan pegawai serta pensyarah dari UiTM Machang. Objektif program adalah bagi mewujudkan jaringan hubungan kerjasama antara PTN dan UiTM dalam pelbagai sektor berkaitan demi pembangunan negeri Kelantan. Majlis dirasmikan oleh YBhg Dato' Hj Zamri bin Hj Ismail, Presiden Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan dan turut dihadiri oleh Rektor UiTM Machang YM Dr Tuan Mohd Rosli bin Tuan Hassan. Turut berlangsung adalah perbincangan bagi menjalankan kajian strategi peningkatan hasil negeri di bawah penyelarasan bersama Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.



## Kunjungan Hormat

**Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali  
Menteri Hal Ehwal Ekonomi Kepada Kerajaan Negeri Kelantan.**

MABNA MBI, 7 Mac 2019 - YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan timbalannya YB Dr. Mohd Radzi Md Jidin bersama rombongan, telah berkunjung ke Pejabat YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan di aras 10, MABNA MBI. Kunjungan hormat tersebut adalah pertemuan mahabbah dan silaturrahim dalam menjunjung semangat federalisme antara kerajaan negeri dan pusat. Turut bersama dalam pertemuan ini ialah YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan dan YB. Dato' Haji Hanifa Bin Ahmad, Pengurus Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan.



## YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan

Kepada Pegawai Tadbir Negeri Kelantan

26 JAMADIL'AWAL 1440H / 01 FEBRUARI 2019

Kota Bharu, YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran Bin Muhammad telah menyampaikan amanat Sempena Majlis Amanat Khas YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan Kepada Pegawai Tadbir Negeri Kelantan bertempat di Dewan Puteri Saadong, Hotel Grand Riverview. Majlis telah dihadiri oleh semua Pegawai Tadbir Negeri Kelantan. Majlis turut disertakan dengan penyerahan bendera kepada kontinjen negeri Kelantan sempena Program Peningkatan Kerjaya Pegawai Tadbir Negeri Kedah, Johor, Terengganu dan Kelantan Kali Ke XV Tahun 2019 yang akan diadakan di Johor Darul Takzim pada 6 hingga 11 Februari 2019.





7 FEBRUARI 2019 | PUSAT PERSA



02 JAMADIL AKHIR 1440H / 07 FEBRUARI 2019

Johor Bahru, YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan dan seramai 103 Pegawai Tadbir Negeri Kelantan telah menyertai Seminar Peningkatan Kerjaya Pegawai Tadbir Negeri Johor,Kedah,Kelantan dan Terengganu Kali Ke – 15 Tahun 2019 yang telah diadakan di Pusat Kovensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor. Majlis ini telah dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan YBrs. Prof Madya Dr. Shamrahayu Binti Ab. Aziz, Pakar Perlembagaan Undang-Undang & Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah berkongsi ilmu mengenai Perlembagaan Malaysia semasa seminar berlangsung.



# Gambar-gambar Sepanjang Program Peningkatan Kerjaya

## PEGAWAI TADBIR NEGERI

Johor | Kedah | Kelantan | Terengganu

Kali Ke – 15 Tahun 2019



# Gambar-gambar Sepanjang Program Peningkatan Kerjaya

## PEGAWAI TADBIR NEGERI

Johor | Kedah | Kelantan | Terengganu

Kali Ke - 15 Tahun 2019





05 JAMADIL AKHIR 1440H/10 FEBRUARI 2019 Seramai 16 orang ahli Pegawai Tadbir Negeri Kelantan mencabar kemampuan mereka dalam seni lakonan, nyanyian dan tarian tradisi Kelantan dalam persembahan di Majlis Penutup Seminar Peningkatan Kerjaya Pegawai Tadbir Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu kali ke-15 Tahun 2019.

Persembahan bertemakan "Kelate Kito" dimulakan dengan persembahan tarian mengadap rebab, merupakan persembahan pembukaan bagi teater tradisional Mak Yong diteruskan lagi dengan sketsa pendek oleh Pak Yong dan Peran (Pengasuh Raja) mengenai kepelbagaian seni warisan budaya negeri Kelantan. Persembahan seterusnya adalah lagu dikir barat "Kelate Kito" yang mana menceritakan tentang tempat-tempat menarik di Negeri Kelantan dan diakhiri dengan persembahan penutup tarian joget Kelantan.

## Majlis Penutup Seminar **PENINGKATAN KERJAYA PEGAWAI TADBIR JOHOR|KEDAH|KELANTAN|TERENGGANU** Persembahan Kontinjen Negeri Kelantan

Dataran Duli Yang Maha Mulia  
Dewan Undangan Negeri  
Johor Kedah Terengganu Kelantan  
Tahun 2019





27 JAMADIL AKHIR 1440H/04 MAC 2019  
YTM Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra telah mengampuni perkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Negeri Kelantan kepada 405 orang penerima di Istiadat Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan, Sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V. Pada Istiadat tersebut, YB Dato' Haji Nazran Bin Muhammad telah dikurniakan darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato' Kaya Setia.



**ISTIADAT PENGURNIAAN KEHORMATAN KEBESARAN NEGERI KELANTAN**  
**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**  
**SULTAN MUHAMMAD V**  
**Yang Ke 49 Bagi Kali Ke 2**  
**Di Istana Balai Besar**



# *Majlis Pengurniaan Hadiah* **Menghafaz & Tilawah Al-Quran**

Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1440H/2019M

Di Dewan Besar Balai Islam, Kompleks Islam Darulnaim

30 JAMADIL AKHIR 1440H / 07 MAC 2019

KOTA BHARU, pada tahun 1440H/2019M seramai 164 orang hafiz, hafizah, qari dan qariah telah menyertai Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung di Dewan Besar Balai Islam, Kompleks Islam Darulnaim.

Majlis pengurniaan hadiah yang diadakan pada 30 Jamadil Akhir 1440H bersamaan 07 Mac 2019 telah disempurnakan oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra. Majlis turut dihadiri oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan dan barisan Exco Kerajaan Negeri Kelantan.





*Persidangan*  
**Kali Pertama**  
(Perasmian Penggal)  
**Bagi Tempoh Penggal Kedua**  
**DEWAN NEGERI KELANTAN**  
**Yang Ke 14**

11 REJAB 1440H/18 MAC 2019 - KOTA DARULNAIM, KDYMM Sultan Muhammad V telah ampuni perkenan merasmikan Persidangan Kali Pertama (Perasmian Penggal) Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Ke 14 yang diiringi oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra di Dewan Undangan Negeri Kelantan.



# Program YB Dato' Kaya Setia *SUK Kelantan* SE PANJANG JANUARI - MAC 2019

## MAJLIS PENYAMPAIAN YAYASAN SULTAN KELANTAN

24 RABIUL AKHIR 1440H / 01 JANUARI 2019 - PASIR MAS, YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Pengurus Yayasan Sultan Kelantan telah menyampaikan sumbangan kepada waris mangsa lemas di Kampung Pasir Perah, Chetok.



## MAJLIS PENYAMPAIAN YAYASAN SULTAN KELANTAN

24 RABIUL AKHIR 1440H / 01 JANUARI 2019 - PASIR MAS, YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Pengurus Yayasan Sultan Kelantan telah menyampaikan sumbangan kepada waris mangsa lemas di Kampung Rahmat, Rantau Panjang. Ibu kepada 3 mangsa lemas di Pantai Sura Tengah, Dungun tersebut merupakan salah seorang penjawat awam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.



## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN BAHARU BLOK 8 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

17 JAMADILAWAL 1440H/23 JANUARI 2019 - KOTA DARULNAIM, telah berlangsung Majlis Penyerahan Projek Cadangan Membina dan Menyiapkan Bangunan Baharu Blok 8 serta Kerja-kerja Berkaitan di Kompleks Kota Darulnaim. YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan mewakili Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima penyerahan kunci daripada YBhg Dato' Ir Haji Razani bin Abdul Razid, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan dan kedua-dua pihak menandatangani Perjanjian Perakuan Serahan Kerja Siap.



# Program YB Dato' Kaya Setia *SUK Kelantan*

SEPANJANG JANUARI - MAC 2019

## MESYUARAT AGUNG PUSPANITA CAWANGAN NEGERI KELANTAN KALI KE 36 TAHUN 2019

22 JAMADIL AKHIR 1440H / 27 FEBRUARI 2019 Kota Darulnaim, YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran Bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan telah menyempurnakan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan yang telah diadakan bertempat di Dewan Bunga Teratai Kompleks Kota Darulnaim.



07 REJAB 1440H / 14 MAC 2019

MAJLIS RAMAH MESRA YB DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN BERSAMA MASYARAKAT ORANG ASLI SERTA MAJLIS PELEPASAN BENIH IKAN DI POS TUEL, LOJING HIGHLANDS



## MAJLIS PERASMIAN TAPAK "BASE CAMP" KEMUNCAK GUNUNG LOJING HIGHLANDS DI PERKARANGAN MASJID LONG TAN LOJING HIGHLANDS

07 REJAB 1440H / 14 MAC 2019 - Lojing Highlands, satu Majlis Perasmian Tapak 'Base Camp' kemuncak Gunung Lojing Highlands telah diadakan di Perkarangan Masjid Long Tan, Lojing Highlands. Majlis telah dirasmikan oleh YB Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman, Pengurus Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan diiringi oleh YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan.



# Program YB Dato' Kaya Setia *SUK Kelantan* SE PANJANG JANUARI – MAC 2019

## PROGRAM MENANAM POKOK BAGI PROGRAM GO GREEN PUSPANITA

18 REJAB 1440H / 15 MAC 2019 LOJING HIGHLANDS – YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan bersama isteri menanam pokok bagi simbolik Program Go Green PUSPANITA di halaman Masjid Long Tan Lojing Highlands sempena Program EKO Pelancongan Lojing Highlands. Program turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan negeri dan ahli PUSPANITA negeri.



## MAJLIS ‘FLAG OFF’ EKSPEDISI MENDAKI PUNCAK GUNUNG SEMPENA PROGRAM EKO PELANCONGAN LOJING HIGHLANDS

08 REJAB 1440H / 15 MAC 2019 - YB. Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan telah menyempurnakan Majlis “Flag Off” Ekspedisi Mendaki Puncak Gunung Lojing bertempat di Perkarangan Masjid Long Tan Lojing Highlands.



08 REJAB 1440H / 15 MAC 2019

LAWATAN KE PROJEK LADANG ANGGUR KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB) DI LOJING HIGHLANDS



# Program YB Dato' Kaya Setia *SUK Kelantan* SE PANJANG JANUARI - MAC 2019

15 REJAB 1440H / 22 MAC 2019

MESYUARAT KHAS KETUA-KETUA JAJAHAN NEGERI KELANTAN DI ELEMENT HOTEL,  
KUALA LUMPUR



16 REJAB 1440H / 23 MAC 2019

KSN SHOOTING CHAMPIONSHIP KSC 2019 DI LAPANG SASAR, MAKTAB PENJARA MALAYSIA,  
KAJANG



23 REJAB 1440H / 30 MAC 2019

MESYUARAT AGUNG KALI KE-20 MAJLIS ORANG-ORANG BESAR D'RAJA KELANTAN (MOB) DI  
GLENMARIE GOLF & COUNTRY CLUB, SELANGOR



## Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan Kali Ke 36 Tahun 2019



27 Februari 2019 - Majlis Perasmian Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan Kali Ke 36 Tahun 2019 telah disempurnakan oleh YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan. Antara pengisian acara adalah penyampaian anak pokok kepada YBhg. Datin Kaya Setia Pengurus PUSPANITA Negeri Kelantan dan Pengurus-pengurus Puspanita Jajahan sempena perasmian "Go-Green with PUSPANITA" serta penyerahan sumbangan Tabung Infaq daripada YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan, YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan YABhg. Datin Pengurus PURNAMA serta Ketua-Ketua Jajahan dan Jabatan Negeri. Pelbagai gerai jualan dan pameran serta kaunter pemeriksaan kesihatan turut diadakan sepanjang majlis berlangsung.

## Program 'PUSPANITA Continuous Education (CPE) 1/2019'



05 Mac 2019 – Telah diadakan Program 'PUSPANITA Continuous Education (CPE) 1/2019: Be A Smart Mother' bertempat di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Hajah Nor Haizah bt. Abdullah, Pengetua Maahad Pengajian Islam (MPI) Kota Bharu.

## Kursus Protokol Dan Etiket Sosial 2019



03 Mac 2019 - Telah diadakan Kursus Protokol Dan Etiket Sosial 2019 kepada Isteri Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kelantan Gred N48 ke atas dan Pegawai Tadbir Negeri Kelantan lantikan 2017 hingga 2019 bertempat di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu. Program ini adalah anjuran bersama PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Perasmian kursus telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Farid bin Dato' Hj. Abdul Razak, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mewakili YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan. Penceramah pada kali ini adalah Tuan Sophian bin Ab Rahman, Pegawai Istiadat Istana Negara dan Encik Mohd Safaruddin bin Ismail, Pegawai Protokol dari Pejabat Sultan Kelantan.

# *Kunjungan Hormat kepada*

**YB DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN SEPANJANG JANUARI - MAC 2019**



04 JAMADIL AWAL 1440H / 10 JANUARI 2019

**MR. MONGKOL SIMSOMBOON**

*Consult General Thai*



08 JAMADIL AWAL 1440H / 14 JANUARI 2019

**YBRS. EN JEFNY BIN MUHAMMAD**

*Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Negeri Kelantan*



11 JAMADIL AWAL 1440H / 17 JANUARI 2019

**YBRS. EN AZMAN BIN MAHMUD**

*Pengarah Audit Negeri Kelantan*

15 JAMADIL AWAL 1440H / 21 JANUARI 2019

**YBRS. TUAN HAJI FAUZY BIN ABDUL HAMID**

*Presiden Mofaz*

# *Kunjungan Hormat kepada*

**YB DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN SEPANJANG JANUARI - MAC 2019**



**21 JAMADIL AWAL 1440H / 27 JANUARI 2019**

**YBRS. PUAN ROHAYU BINTI AHMAD**

*Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan Kelantan*



**29 JAMADIL AWAL 1440H / 04 FEBRUARI 2019**

**YBRS. TUAN AZHAR BIN ABDUL HAMID**

*Pengarah Imigresen Negeri Kelantan*



**05 JAMADIL AKHIR 1440H / 10 FEBRUARI 2019**

**YBHG. DATO' MOHD RAZALI BIN HUSSAIN**

*Ketua Pengarah Malaysia Productivity Corporation (MPC)*



**06 JAMADIL AKHIR 1440H / 11 FEBRUARI 2019**

**ENCIK NAZILI BIN HAJI MAHMOOD**

*Pengarah Bomba Negeri Kelantan*

*Kunjungan Hormat kepada*  
**YB DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN SEPANJANG JANUARI - MAC 2019**



06 JAMADIL AKHIR 1440H / 11 FEBRUARI 2019  
*Pengurus-pengurus Besar Bank Islam  
Wilayah Pantai Timur*



23 JAMADIL AKHIR 1440H / 28 FEBRUARI 2019  
**YBRS. HAJAH ROKIBAH BT ABDUL LATIF**  
*Ketua Pengarah PlanMalaysia*



04 REJAB 1440H / 11 MAC 2019  
**YBHG. DATUK DR. MARY WONG LAI LIN**  
*Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan*



24 Rejab 1440H / 31 MAC 2019  
**YBHG DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID**  
*Ketua Audit Negara*

## BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

### ANUGERAH WARGA CONTOH BULANAN JANUARI – MAC 2019



**BULAN JANUARI**  
**MOHD SUHAMAI BIN YAACOB**  
Pembantu Operasi Gred N11  
Bahagian Khidmat Pengurusan



**BULAN FEBRUARI**  
**NUR ILLIANA BINTI MOHD SALLEH**  
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19  
Unit Perancang Ekonomi Negeri



**BULAN MAC**  
**NIK ILIE AINA BINTI NIK MOHAMED**  
Penolong Juruaudit Gred W29  
Unit Audit Dalam



### MESYUARAT KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP JABATAN/AGENSI DALAM KOMPLEKS KOTA DARULNAIM BIL 3/2018

08 JAMADIL AWAL 1440H/14 JANUARI 2019, Satu Mesyuarat Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Jabatan/Agensi Dalam Kompleks Kota Darulnaim Bilangan 3 Tahun 2018 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Blok 2, Kompleks Kota Darulnaim yang diurussetiakan oleh Bahagian Pengurusan Korporat.

Mesyuarat ini yang telah dipengerusikan oleh YABrs Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mewakili YBhg. Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) bagi membincangkan aduan dan komen oleh pelanggan kepada semua jabatan dan agensi yang terdapat dalam Kompleks Kota Darulnaim.

## BAHAGIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN



### KELANTAN ART & CULTURAL FESTIVAL 2019

22 hingga 24 Mac 2019 - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan telah menganjurkan Temasya Kesenian & Kebudayaan Kelantan yang juga dikenali sebagai Kelantan Art & Culture Festival 2019 (KACF) bertempat di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu. Pelbagai program telah diatur bagi memeriahkan program yang berlangsung selama 3 hari iaitu Festival Jom Makan Makanan Kelantan, Pertandingan Dam Aji, Persembahan Silat Tari, Rebana Ubi, Kertok, Tarian Singa, Pembuatan Wau, Batik, Wayang Kulit, Karnival Art Of Speed, tayangan Perdana Filem XX-Ray 3, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Karom, Pertandingan Seni Kecantikan Burung Murai Batu, Burung Candik, Ayam Serama, Ayam Hutan dan banyak lagi. Majlis Perasmian KACF 2019 telah disempurnakan oleh YB Mejar (B) Dato' Hj Md. Anizam bin Ab. Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan. Turut hadir bersama ialah YBM Tengku Abdul Halim Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Tengku Laksamana Kelantan bersama isteri.

## BAHAGIAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS



### MAJLIS IKRAR INTEGRITI DAN BEBAS RASUAH PERINGKAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

17 MAC 2019 - Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan dan semua penjawat awam yang hadir telah membaca Ikrar Integriti Dan Bebas Rasuah dan menandatangani borang Ikrar Integriti Dan Bebas Rasuah.



### MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR) NEGERI

17 MAC 2019 - Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan dan melibatkan semua jabatan dan agensi kerajaan Negeri Kelantan bertempat di Bilik Gerakan MABNA MBI, Aras 1, Blok 8, Kompleks Kota Darulnaim.

## UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI



### MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK KE 12 KERJASAMA INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND GROWTH TRIANGLE (IMT-GT)

14 HINGGA 16 MAC 2019 - Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah menganjurkan Mesyuarat Perancangan Strategik Ke 12 kerjasama Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) di The Grand Renai Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MEA manakala Mesyuarat Peringkat Sekretariat Kebangsaan telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Suhana binti Md. Saleh, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Kerjasama Antarabangsa (MEA). Seramai 211 orang delegasi dari negara-negara anggota kerjasama telah menghadiri mesyuarat selama tiga hari yang turut mendapat kerjasama dari Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

YM Tengku Kaya Perkasa, Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean bin Tengku Feissal, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) mewakili YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan telah menghoskan majlis makan malam meraikan para sekretariat dan delegasi di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Darulnaim, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan sebagai tanda penghargaan memilih Kelantan sebagai tuan rumah bagi Mesyuarat Perancangan Strategik ke 12. Acara majlis makan malam diwarnai dengan persembahan kebudayaan Negeri Kelantan dan penyerahan cenderamata oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kerajaan Kelantan kepada wakil Asian Development Bank (ADB), Centre for IMT-GT (CIMT), IMT-GT Joint Business Council (JBC) dan Office of The National Economic and Social Development Board (NESDB).

## BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN



### MAJLIS ANGKAT SUMPAH YANG DIPERTUA PIHKAUASA TEMPATAN – MAJLIS DAERAH DABONG

01 FEBRUARI 2019 - Majlis angkat sumpah telah diadakan dihadapan YB Dato' Pengerusi Jawantakuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan bagi perlantikan YABrs. En. Mohd Azri bin Abd Rahman sebagai Yang Dipertua bagi Majlis Daerah Dabong yang baharu dan disaksikan oleh YBrs Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan.

# Calendar Of Event 2019



- 15 Jan Majlis Pelancaran Revisit KB 2019 Dataran Bandaraya by MPKB-BRI  
31 Jan - 09 Feb Festival Kraf Tekstil Pantai Timur 2019 Dataran Rehal, Kota Bharu by Perbadanan Kemajuan Kraftangan Negara  
Feb Program Silang Budaya Sempena Tahun Baru Cina Dataran Cheng Ho by MPKB-BRI  
14-16 Feb Festival Bundle Tok Bali 2019 Pasir Puteh by Majlis Daerah Pasir Puteh  
15 - 16 Feb Hari Anak Muda Kelantan 2019 Stidium Sultan Muhammad IV by Belia & Sukan Negeri Kelantan  
16 Feb Pesta Joran Pasir Mas by Majlis Daerah Pasir Mas  
Mac Mountain Bike Gunung Reng International Challenge Jeli by Majlis Daerah Jeli  
Mac Collectibles Affair Grand Riverview Hotel MITA Kelantan  
Mac Malam Infaq Ramadhan Kuala Lumpur by MPKB-BRI  
22 - 24 Kelantan Art & Culture Festival 2019 Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV by TIC  
22 - 27 Mac Lojing Highland Nature Photography Shoot Lojing by PTJ Lojing  
29 Mac Pesta Memancing Tumpat by PTJ Tumpat  
April 2019 Pesta Air Gunung Reng Jeli by Majlis Daerah Jeli  
April 2019 XPDC Menjejak Bunga Refflesia Lojing 2019 & Kolam Air Panas Gua Musang by Majlis Daerah Gua Musang  
April 2019 Festival Ekuine, Wau dan Basikal Lasak Pantai Mek Mas, Kuala Besar by MPKB-BRI  
April 2019 Pesta Makanan Tradisional Kelantan Dataran Stadium by TIC & MAH  
April 2019 Karnival Pelancongan 2019 Dataran Bandaraya by MPKB-BRI  
April 2019 Gua Ikan Rock Climbing 2019 Dabong by Majlis Daerah Dabong  
April 2019 Pesta Joran Gong Dermin by MPKB-BRI  
25-27 April 2019 Kejohanan Sepak Takraw Malaysia - Thailand Pasir Mas by Majlis Daerah Pasir Mas  
25-27 APRIL 2019 Karnival Kesenian & Kebudayaan Pasir Puteh 2019 Pasir Puteh by Majlis Daerah Pasir Puteh  
26-27 April 2019 Karnival Anak Muda Sayang Islam Kuala Krai Majlis Daerah Kuala Krai  
Mei 2019 Sehari Bersama Penari Beca Gelanggang Seni by TIC  
06 Mei 2019 Madinah Ramadhan Dataran Stadium by MPKB-BRI  
Jul 2019 Pesta Joran Bachok  
Jun 2019 Festival Kebudayaan Jajahan Jeli Jeli by Majlis Daerah Jeli  
Jun 2019 Program Berakit Sungai Menggiri Gua Musang 2019 Gua Musang by Majlis Daerah Gua Musang  
15 Jun 2019 Kota Bharu Bersih 2019 Dataran Bandaraya by MPKB-BRI  
16-28 Jun 2019 Gua Ikan Photo Challenge 2019 Dabong by Majlis Daerah Dabong  
Jun 2019 Pesta Memancing 2019 (Tidal Gate Air Gong Kulim Challenge) Pasir Puteh by Majlis Daerah Pasir Puteh  
Julai 2019 Festival Buah-Buahan Jeli by Majlis Daerah Jeli  
Julai 2019 Kelantan Cultural Showcase 2019 Pasar Seni, Kuala Lumpur by TIC  
Julai 2019 Pesta Memancing Jambatan Guillemand Tanah Merah by TIC  
11-13 Julai 2019 Karnival Sayangi Pasir Mas Pasir Mas by Majlis Daerah Pasir Mas  
11-13 Julai Festival Kesenian Rakyat Kelantan Pantai Geting, Tumpat by Jabatan Kebudayaan Kesenian Kelantan  
Ogos 2019 Festival Silat Gelanggang Seni by TIC  
Ogos 2019 Pesta Air / Sungai Pantai Mek Mas, Kuala Besar by MPKB-BRI  
Ogos 2019 Sukan Rakyat Jajahan Jeli Jeli by Majlis Daerah Jeli  
Ogos 2019 Gua Musang Climbathon2019 Gua Musang by Majlis Daerah Gua Musang  
Ogos 2019 Bukit Panau Climbathon 2019 Bukit Panau, Tanah Merah by Majlis Daerah Tanah Merah  
Ogos 2019 Bukit Marak Climbathon 2019 Bukit Marak, Bachok by Majlis Daerah Bachok  
23-24 Ogos 2019 Pesta Berakit Kemerdekaan Kuala Krai by Majlis Daerah Kuala Krai  
24 Ogos 2019 Kayuhan Merdeka Dataran Bandaraya by MPKB-BRI  
24 Ogos 2019 Karnival Permainan Tradisional Rakyat Kelantan Pasir Mas by Majlis Daerah Pasir Mas  
29 - 31 Ogos 2019 Pesta Wau Antarabangsa Kelantan 2019 Pantai Geting, Tumpat by TIC  
14 - 29 Sep 2019 Joyful Malaysia With Kelantan KLIA & KLIA 2 by TIC  
Sep 2019 Perlumbaan Perahu Tumpat by PTJ Tumpat  
5 - 7 Sep 2019 Nisa' Games Kelantan 2019 Stadium Sultan Muhammad IV by Belia & Sukan Negeri Kelantan  
07 Sep 2019 Gateh Sayangi Pasir Mas Pasir Mas by Majlis Daerah Pasir Mas  
15-16 Sep Karnival Kemerdekaan Peringkat Pasir Putih 2019 - Jejak Pejuang Pasir Puteh by Majlis Daerah Pasir Puteh  
11 - 12 Okt Pertandingan Dikir Barat Perdana Gelanggang Seni by TIC  
25 Okt Pelancaran Tahun Melawat Kelantan 2020 Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV by Kerajaan Negeri Kelantan  
Okt Kelantan Festival 2019 Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV by TIC & Vinspire Sdn. Bhd  
Okt Pesta Makanan Jeli Jeli by Majlis Daerah Jeli  
19 Okt Hari MDPP Bersama Kaum Non-Bumiputra Pasir Putih 2019 Pasir Putih by Majlis Daerah Pasir Puteh  
Nov Pesta Mancing Mania 2019 Gua Musang by Majlis Daerah Gua Musang  
Nov Karnival Makanan Tradisional Kelantan 2019 Dataran Bandaraya by MPKB-BRI  
13-14 DIS Pesta Bola Sepak Pantai Beach Ball Tok Bali monsun CUP 2019 Pasir Puteh by Majlis Daerah Pasir Puteh